2015

1 RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2015, pertumbuhan global menjadi sederhana dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa yang meningkat. Sepanjang tahun itu, persekitaran ekonomi dan kewangan global dipengaruhi oleh tiga perkembangan utama. Pertama, harga komoditi global jatuh mendadak hingga mencecah paras yang rendah selepas krisis, lantas memberikan kesan yang ketara kepada pertumbuhan global dan inflasi. Kedua, pasaran kewangan antarabangsa mengalami turun naik yang lebih ketara didorong oleh peralihan dasar dalam ekonomi utama, kebimbangan terhadap momentum pertumbuhan global yang makin perlahan, hutang kerajaan di kawasan euro, dan kejatuhan harga komoditi. Turun naik yang dialami pasaran kewangan bertambah ketara apabila terdapat pengambilan kedudukan spekulatif dan pelupusan kedudukan spekulatif tersebut, serta peralihan mendadak dalam kesanggupan mengambil risiko oleh pelabur, yang menyebabkan turun naik dalam aliran modal. Ketiga, pertumbuhan global menjadi sederhana akibat pertumbuhan yang sederhana dalam ekonomi maju yang tidak memadai untuk mengimbangi pertumbuhan lebih rendah dalam ekonomi sedang pesat membangun. Pertumbuhan turut tidak sekata di seluruh ekonomi maju. Meskipun aktiviti ekonomi di AS terus mencapai kemajuan, pertumbuhan di kawasan euro meningkat pada kadar yang sederhana pada tahun 2015 disebabkan oleh kekangan struktur yang tidak dapat diselesaikan. Dalam keadaan persekitaran luar yang sangat mencabar, pertumbuhan dalam ekonomi Asia menjadi sederhana pada tahun 2015 apabila prestasi eksport yang lemah memberikan kesan kepada kadar pertumbuhan ekonomi. Di RR China khususnya, pertumbuhan kekal mencatat trend yang sederhana disebabkan oleh aktiviti yang perlahan dalam sektor yang mempunyai kapasiti lebihan serta kelemahan dalam sektor luaran. Tekanan inflasi global juga menjadi sederhana pada tahun 2015, mencerminkan terutamanya harga komoditi global yang lebih rendah dan keadaan permintaan global yang lembap.

Bagi menghadapi momentum pertumbuhan yang makin perlahan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan yang semakin tidak menentu, pendirian dasar monetari global secara keseluruhan adalah lebih akomodatif di kebanyakan rantau. Dalam kalangan ekonomi maju, pendirian dasar monetari bank-bank pusat utama adalah berbeza-beza. Meskipun AS telah mengambil langkah pertama untuk mengembalikan kadar faedah kepada paras yang wajar, kawasan euro dan Jepun terus meningkatkan rangsangan monetari menerusi program pembelian aset masing-masing dan juga memperkenalkan kadar faedah negatif. Di Asia, beberapa ekonomi menurunkan kadar dasar utama dan memperkenalkan langkah fiskal untuk menyokong pertumbuhan.

Meskipun persekitaran ekonomi mencabar pada tahun 2015, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 5.0%, disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Laporan Tahunan ini memberikan analisis perkembangan ekonomi Malaysia dan menggariskan cabaran pada masa hadapan. Selain itu, laporan ini memaparkan usaha Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan tadbir urus, pembangunan organisasi, dan komunikasi.

Ekonomi Malaysia pada tahun 2015

Ekonomi Malaysia meningkat 5.0% pada tahun 2015 (2014: 6.0%), disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang berterusan (2015: 5.1%, 2014: 5.9%). Permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh sektor swasta. Peningkatan permintaan luar negeri yang sederhana pada separuh kedua tahun 2015 juga memberikan dorongan tambahan terhadap pertumbuhan ekonomi.

Penggunaan swasta terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana apabila isi rumah membuat pelarasan terhadap perbelanjaan mereka disebabkan peningkatan kos sara hidup berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST), pelarasan harga ditadbir, dan penyusutan nilai ringgit. Namun begitu, isi rumah menerima beberapa sokongan daripada pindahan tunai di bawah skim Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang lebih tinggi, pengurangan kadar cukai pendapatan individu bagi tahun taksiran 2015 dan penjimatan yang diperoleh daripada penurunan harga bahan

api dalam negeri yang lebih rendah pada tahun itu. Perbelanjaan isi rumah juga disokong oleh peningkatan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Penggunaan awam mencatat pertumbuhan yang mampan sebanyak 4.3% pada tahun 2015 (2014: 4.4%), mencerminkan usaha yang berterusan oleh Kerajaan untuk memberikan sokongan kepada pertumbuhan, dan pada masa yang sama kekal komited untuk meneruskan pengurangan defisit fiskal .

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang 3.7% pada tahun 2015 (2014: 4.8%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pelaburan sektor swasta yang lebih perlahan. Pada tahun 2015, pelaburan swasta mencatat pertumbuhan lebih rendah pada 6.4% (2014: 11.0%), mencerminkan permintaan dalam negeri yang sederhana dan sentimen perniagaan yang berhati-hati. Meskipun pelaburan untuk cari gali baharu bagi minyak dan gas menurun, pelaburan swasta keseluruhan terus disokong oleh aktiviti hiliran minyak dan gas, serta projek baharu dan yang sedang dilaksanakan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pelaburan awam meningkat dengan mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak -1.0% (2014: -4.7%) apabila Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam terus membuat perbelanjaan modal, sekali gus memberikan sokongan kepada ekonomi.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana, kecuali sektor perlombongan. Penurunan ini mencerminkan pertumbuhan aktiviti yang lebih perlahan dalam industri yang menyokong permintaan dalam negeri. Namun begitu, perkilangan berorientasikan eksport dan perkhidmatan berkaitan dengan perdagangan memperoleh manfaat daripada peningkatan permintaan luar negeri yang sederhana.

Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhan kekal stabil pada tahun 2015 apabila permintaan untuk pekerja terus disokong oleh pertumbuhan yang berterusan di seluruh sektor ekonomi. Meskipun kadar penyertaan tenaga kerja stabil pada 67.6% (2014: 67.5%), kadar pengangguran meningkat kepada 3.2% (2014: 2.9%) apabila sentimen perniagaan yang lebih berhati-hati menyebabkan prospek guna tenaga yang lebih sederhana menjelang separuh kedua tahun 2015.

Inflasi keseluruhan menurun kepada 2.1% pada tahun 2015 (2014: 3.2%) apabila kesan penurunan harga tenaga dan komoditi global lebih daripada mengimbangi kesan penyusutan kadar pertukaran ringgit, pelaksanaan GST dan beberapa pelarasan menaik dalam harga ditadbir. Meskipun paras inflasi adalah lebih rendah pada tahun 2015, kenaikan harga adalah lebih meluas disebabkan oleh pelaksanaan GST, penyusutan nilai ringgit dan kenaikan harga barangan makanan segar. Inflasi keseluruhan juga secara relatif lebih tidak menentu pada tahun 2015 mencerminkan satu siri pelarasan harga bahan api dalam negeri. Walau bagaimanapun, inflasi teras tanpa GST kekal stabil pada 2.3% pada tahun 2015 (2014: 2.3%). Kestabilan inflasi teras ini mencerminkan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana, ketiadaan kenaikan upah yang berlebihan, dan inflasi yang sederhana pada peringkat global.

Kedudukan sektor luaran Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2015 meskipun terdapat ketidaktentuan yang lebih ketara dalam ekonomi global. Meskipun lebihan akaun semasa mengecil pada tahun 2015, ia terus disokong oleh lebihan perdagangan yang besar berjumlah RM94.6 bilion (2014: RM82.5 bilion). Bagi tahun 2015, pertumbuhan eksport dan import masing-masing menurun kepada 1.9% dan 0.4% (2014: 6.3% and 5.3%). Terdapat dua trend yang berbeza dalam perdagangan luaran pada tahun 2015. Pada separuh pertama tahun 2015, prestasi perdagangan luaran sebahagian besarnya terjejas oleh penurunan harga komoditi dan permintaan yang lembap terhadap komoditi dan keluaran perkilangan berkaitan komoditi. Pada separuh kedua tahun itu, perdagangan luaran bertambah baik disebabkan oleh pertumbuhan eksport meningkat semula berikutan permintaan lebih tinggi terhadap keluaran perkilangan dan komoditi, dan kesan penilaian positif daripada penyusutan nilai ringgit. Bagi keseluruhan tahun 2015, lebihan perdagangan adalah lebih tinggi, disokong oleh keluaran perkilangan dan komoditi.

Berlatarkan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global, sektor luaran mengalami aliran modal dua hala merentas sempadan yang ketara pada sebahagian besar tahun 2015. Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM53.3 bilion (2014: Aliran keluar bersih RM81.6 billion). Pada tahun 2015, ketidaktentuan yang ketara dicatat dalam dana portfolio asing, sebahagiannya disebabkan oleh pengumpulan dan pelupusan kedudukan spekulatif dalam pasaran dalam negeri dan

luar pesisir. Aliran keluar bersih portfolio dana bukan pemastautin berjumlah RM19.0 bilion (2014: aliran keluar bersih RM10.4 bilion). Walaupun dengan perkembangan dalam aliran portfolio jangka pendek ini, Malaysia kekal sebagai destinasi yang berdaya saing untuk modal jangka panjang, seperti yang dibuktikan oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investments, FDI) yang stabil. Sebahagian besar daripada aliran FDI disalurkan kepada sektor perkilangan, khususnya industri elektronik dan elektrik (E&E) dan industri berkaitan petrokimia.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM409.1 bilion (bersamaan dengan USD95.3 bilion) pada 31 Disember 2015. Pada 29 Februari 2016, rizab berjumlah RM410.5 bilion (bersamaan dengan USD95.6 bilion). Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa dan mencukupi untuk membiayai 8.3 bulan import tertunggak dan ialah 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek. Liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif telah menyebabkan desentralisasi rizab antarabangsa yang lebih besar, yang membolehkan ekonomi mengurangkan kebergantungannya pada rizab antarabangsa Bank. Ini terbukti apabila entiti Malaysia semakin meningkatkan pemerolehan aset di luar negeri. Ketersediaan aset luaran ini membolehkan entiti ini memenuhi obligasi hutang luar negeri mereka tanpa perlu membuat tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Kadar pertukaran yang lebih fleksibel juga mengurangkan kebergantungan pada rizab antarabangsa untuk menguruskan tekanan luaran.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus sepanjang tahun 2015. Hutang luar negeri berjumlah RM833.7 billion, bersamaan dengan USD192.2 bilion atau 72.1% daripada KDNK pada akhir tahun 2015 (akhir tahun 2014: RM747.5 bilion, bersamaan dengan USD211.8 bilion atau 67.5% daripada KDNK). Peningkatan hutang luar negeri disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian daripada penyusutan nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang pada tahun 2015. Tidak termasuk perubahan penilaian semula pertukaran asing, peminjaman luar pesisir meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.0% pada tahun 2015, iaitu menyumbang sebanyak dua mata peratusan kepada peningkatan keseluruhan hutang luar negeri. Ini mencerminkan terutamanya ambilan bersih peminjaman antara syarikat oleh beberapa syarikat swasta dalam sektor minyak dan gas, serta terbitan baharu sekuriti hutang antarabangsa. Walau bagaimanapun, profil hutang luar negeri Malaysia kekal teguh dengan lebih separuh daripada hutang tersebut menjurus kepada tempoh jangka sederhana dan panjang. Risiko daripada turun naik pertukaran asing sebahagian besarnya dapat dibendung memandangkan kira-kira 36% daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit, manakala hutang dalam denominasi mata wang asing sebahagian besarnya dilindung nilai. Ini dilakukan sama ada secara semula jadi melalui perolehan mata wang asing atau melalui penggunaan instrumen kewangan.

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada ketidakpastian yang meningkat dan risiko yang berpunca daripada perkembangan luar. Namun begitu, Malaysia telah menunjukkan keupayaan untuk menghadapi kejutan luaran menerusi fleksibiliti ekonomi dan perlindungan yang disediakan oleh penampan kewangan dan rangka kerja dasar yang mantap yang telah terbina sejak beberapa tahun yang lalu. Pasaran kewangan domestik Malaysia yang mendalam dan pelbagai berupaya untuk menampung aliran modal dalam jumlah yang besar, manakala pelabur institusi domestik membolehkan permintaan yang mampan terhadap aset kewangan domestik apabila pelabur asing mengimbangi semula dedahan mereka. Operasi monetari Bank dan penggunaan beberapa instrumen dasar turut memastikan terdapatnya mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong pasaran wang dan pasaran pertukaran asing berfungsi dengan teratur. Fleksibiliti kadar pertukaran juga telah membolehkan ringgit membuat penyesuaian terhadap perubahan keadaan luaran. Pada masa yang sama, rizab antarabangsa bertindak sebagai penampan dengan menghalang turun naik kadar pertukaran ringgit yang berlebihan. Oleh yang demikian, meskipun ketidaktentuan yang tinggi dalam aliran modal, kesan terhadap pasaran kewangan domestik adalah tidak ketara, lantas membolehkan pengantaraan kewangan berfungsi tanpa gangguan untuk menyokong ekonomi.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2015

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR)

pada 3.25% pada tahun 2015, dengan tumpuan diberikan pada usaha memastikan keadaan monetari menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dan mengekalkan kestabilan harga. Berdepan dengan persekitaran luar yang mencabar, yang mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. MPC juga terus berwaspada terhadap risiko yang berkaitan dengan ketidakseimbangan kewangan.

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar yang stabil antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2015, berdasarkan jangkaan bahawa permintaan dalam negeri akan menjadi peneraju pertumbuhan dalam keadaan permintaan luar negeri yang lemah. Inflasi keseluruhan diramalkan berada dalam julat antara 2.0% hingga 3.0% berikutan penurunan harga komoditi global dan inflasi global yang dijangka mengimbangi peningkatan faktor kos dalam negeri dan kesan daripada penyusutan kadar pertukaran ringgit. Berdasarkan penilaian, inflasi asas secara relatif kekal sederhana dalam keadaan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan. Namun begitu, prospek ini bergantung pada risiko yang berpunca daripada perkembangan sepanjang tahun itu. Ini termasuk kesan daripada ketidakpastian dalam harga komoditi terhadap sektor minyak dan gas dalam negeri dan kemungkinan kesan limpahannya yang negatif kepada aktiviti pelaburan, eksport, imbangan pembayaran keseluruhan, dan kedudukan fiskal Kerajaan. Satu lagi risiko dikaitkan dengan kesan daripada pelaksanaan GST pada bulan April 2015, khususnya dari segi tingkah laku penentuan harga oleh firma dan kemungkinan berlakunya pencatutan harga. Ketidakpastian yang meningkat dalam ekonomi dan pasaran kewangan global, dan sebahagiannya, faktor dalam negeri pada separuh kedua tahun itu juga telah memberikan kesan yang ketara kepada pasaran kewangan domestik dan kadar pertukaran ringgit.

Meskipun melalui perkembangan ini, ekonomi Malaysia terbukti berdaya tahan serta disokong oleh keadaan ekonominya yang amat pelbagai. Pasaran kewangan yang mendalam dan permodalan institusi kewangan yang kukuh berupaya menghadapi aliran modal yang besar dan tidak menentu, lantas membolehkan pengantaraan kewangan turut berfungsi tanpa gangguan. Mudah tunai domestik secara keseluruhan kekal mencukupi dan institusi kewangan terus beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh. Berdepan dengan persekitaran ini, MPC membuat penilaian bahawa pendirian dasar monetari adalah wajar dan konsisten dengan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kestabilan harga. Dasar monetari berserta langkah kehematan makro dan mikro juga terus memainkan peranan bagi memastikan pertumbuhan hutang isi rumah yang mampan dan mengurangkan risiko ketidakseimbangan kewangan.

Perkembangan ringgit pada tahun 2015 amat dipengaruhi oleh aliran pelaburan portfolio yang berpunca terutamanya daripada faktor luaran. Bagi keseluruhan tahun itu, ringgit menyusut nilai sebanyak 18.6% berbanding dengan dolar AS. Trend penyusutan nilai ringgit yang meluas ini disebabkan oleh beberapa faktor utama. Jangkaan dan susulan kenaikan kadar dasar AS telah menyebabkan pengimbangan semula pelaburan portfolio kepada aset kewangan AS. Ini mendorong penambahan nilai dolar AS yang ketara. Tambahan pula, berlaku aliran keluar portfolio yang besar daripada kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Kebimbangan terhadap kesan harga minyak mentah dan komoditi yang lebih rendah terhadap ekonomi dalam negeri serta sentimen negatif dalam negeri juga mendorong penyusutan nilai ringgit yang lebih besar berbanding dengan mata wang lain. Bagi ekonomi terbuka seperti Malaysia, penyusutan nilai ringgit merupakan suatu keperluan untuk menghadapi gangguan luaran terhadap ekonomi. Ringgit yang lebih lemah membolehkan pengeksport mengurangkan kerugian yang mungkin dialami akibat harga komoditi yang lebih rendah menerusi hasil yang lebih tinggi daripada penukaran mata wang. Walau bagaimanapun, peralihan aliran modal secara besar-besaran merentas sempadan pada tahun itu menyebabkan ringgit terkurang nilai dan tidak sejajar dengan asas-asas ekonomi.

Pada tahun 2015, operasi monetari Bank tertumpu pada usaha menguruskan pengurangan mudah tunai dalam sistem perbankan yang disebabkan oleh aliran keluar yang besar. Tekanan penguncupan terhadap mudah tunai diimbangi oleh pengeluaran bersih dana yang ditempatkan di Bank. Di samping itu, terbitan Nota Monetari Bank Negara (BNMN) digantikan dengan instrumen lain yang

mempunyai tempoh matang yang lebih pendek untuk membolehkan bank-bank sedia memenuhi sebarang pengeluaran dana secara tiba-tiba yang disebabkan oleh aliran keluar. Bank juga menggunakan operasi monetari, termasuk kemudahan repo berbalik, untuk menyediakan mudah tunai kepada sistem perbankan apabila diperlukan. Bagi memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik, Bank mengurangkan nisbah keperluan rizab berkanun (SRR) daripada 4.00% kepada 3.50%, berkuat kuasa 1 Februari 2016. Berikutan keadaan mudah tunai yang terus lebih daripada mencukupi dan keadaan pasaran kewangan yang teratur, proses pengantaraan kewangan terus berfungsi dengan lancar, dengan aktiviti pembiayaan kekal pada tahap yang baik.

Pembiayaan bersih kepada sektor swasta berkembang pada kadar tahunan 8.2% pada tahun 2015 (2014: 8.6%). Kadar pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun itu didorong oleh pertumbuhan pinjaman kepada sektor isi rumah yang lebih rendah. Pertumbuhan hutang isi rumah yang lebih rendah sebahagiannya hasil daripada langkah-langkah awalan oleh Bank dan Kerajaan sejak tahun 2010 untuk memastikan hutang isi rumah yang mampan. Walau bagaimanapun, pembiayaan kepada perniagaan kekal teguh dan seiring dengan aktiviti ekonomi, dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman terkumpul dan terbitan bersih sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sektor perniagaan. Khususnya, pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2015 didorong terutamanya oleh pinjaman kepada sektor perkhidmatan.

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2016

Landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa yang mencabar dijangka menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2016. Perkembangan global, bergantung pada sifatnya, boleh menimbulkan risiko pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih tinggi atau lebih perlahan. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.0 - 4.5% pada tahun 2016. Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Penggunaan swasta dijangka tumbuh pada kadar di bawah purata jangka panjangnya, sebahagian besarnya mencerminkan pelarasan isi rumah yang berterusan terhadap persekitaran harga yang lebih tinggi dan ketidakpastian yang lebih besar. Namun, kesan daripada penurunan ini akan diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan dan guna tenaga, serta beberapa sokongan daripada langkah-langkah Kerajaan yang menyasarkan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah.

Dalam persekitaran ketidakpastian yang berterusan dan sentimen perniagaan yang berhati-hati, pertumbuhan pelaburan sektor swasta diunjurkan lebih perlahan berbanding dengan prestasinya sepanjang tempoh lima tahun yang lalu. Perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan huluan akan terus terjejas oleh persekitaran harga tenaga dan komoditi yang rendah. Perbelanjaan modal sektor swasta dijangka disokong oleh projek-projek yang sedang dilaksanakan dan projek pelaburan baharu, khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap perbelanjaan yang lebih berhemat, pertumbuhan perbelanjaan sektor awam juga dijangka menjadi lebih sederhana tetapi akan terus menyokong pertumbuhan keseluruhan. Pelaburan awam, bagaimanapun, diunjurkan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif, mencerminkan perbelanjaan yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan untuk aset tetap dan pelaksanaan berterusan projek infrastruktur utama oleh perusahaan awam.

Sektor luaran dijangka kekal berdaya tahan pada tahun 2016. Walaupun harga komoditi lemah, prestasi eksport Malaysia dijangka kekal positif, sejajar dengan peningkatan permintaan luar negeri yang sederhana. Pempelbagaian eksport Malaysia yang meluas akan terus menyokong pertumbuhan eksport secara keseluruhan. Import kasar diunjurkan terus meningkat berikutan peningkatan import barangan pengantara untuk menyokong prestasi eksport perkilangan yang mampan, di samping pertumbuhan import barangan modal yang lebih tinggi disebabkan oleh pelaburan swasta dalam negeri yang berterusan. Imbangan perdagangan keseluruhan dijangka terus mencatat lebihan pada tahun 2016, walaupun dalam jumlah yang lebih kecil. Akaun perkhidmatan diunjurkan mencatat defisit yang lebih kecil disebabkan oleh jangkaan bahawa aktiviti pelancongan bertambah baik. Secara keseluruhan, lebihan akaun semasa diunjurkan terus mengecil kepada 1.0 - 2.0% daripada pendapatan negara kasar (PNK).

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi diunjurkan berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2016. Sektor perkhidmatan dan perkilangan dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan keseluruhan. Walaupun harga minyak dan gas adalah lebih rendah, pertumbuhan dalam sektor perlombongan akan disokong oleh kapasiti pengeluaran gas yang baharu. Momentum pertumbuhan sektor pembinaan diunjurkan menurun sedikit pada tahun 2016 dalam keadaan peningkatan yang sederhana dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman.

Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat 2.5 - 3.5% pada tahun 2016 (2015: 2.1%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bagi beberapa barangan harga ditadbir dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Walau bagaimanapun, kesan daripada faktor kos ini terhadap inflasi akan diimbangi oleh harga tenaga dan komoditi global yang rendah, inflasi global yang pada amnya lemah, serta permintaan dalam negeri yang sederhana. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi pada tahun ini boleh menjadi lebih tidak menentu kerana ia bergantung pada ketidakpastian harga minyak dan komoditi global serta kadar pertumbuhan global.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2016

Dasar monetari pada tahun 2016 akan memberikan tumpuan pada usaha untuk memastikan keadaan monetari kekal menyokong pertumbuhan dalam negeri yang mampan berserta kestabilan harga, di samping mengambil kira risiko yang berubah-ubah dalam persekitaran luar dan dalam negeri. Khususnya, perkembangan ekonomi dan kewangan global akan memerlukan pemantauan dan penilaian yang teliti dari segi implikasi perkembangan ini terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi. Dasar monetari juga akan terus menitikberatkan risiko ketidakseimbangan kewangan. Di samping itu, berdasarkan jangkaan bahawa aliran tunai akan mengalami turun naik yang berterusan, operasi monetari Bank akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan mudah tunai domestik terus mencukupi dalam sistem kewangan bagi menyokong pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur.

Dasar fiskal pada tahun 2016 akan terus tertumpu pada konsolidasi fiskal. Bajet 2016 yang diubah suai pada bulan Januari 2016 mengambil kira jangkaan penurunan harga minyak global. Keutamaan perbelanjaan Kerajaan telah disusun semula dan langkah-langkah telah diperkenalkan untuk mempelbagaikan sumber hasil. Perbelanjaan fiskal akan diberikan keutamaan kepada projek infrastruktur berimpak tinggi yang mempunyai kesan pengganda yang besar dengan meningkatkan keupayaan produktif dalam ekonomi. Di samping itu, penekanan akan terus diberikan ke arah memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan melalui peningkatan kebajikan, terutamanya dalam bentuk sokongan sosioekonomi kepada segmen berpendapatan rendah dan sederhana untuk membantu mereka menghadapi kos sara hidup yang kian meningkat.

Berikutan jangkaan persekitaran kewangan global yang mencabar, Malaysia mungkin berdepan dengan pergerakan aliran modal yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan Malaysia yang mendalam dan maju berada pada kedudukan yang baik untuk mengantara aliran ini, sekali gus memastikan pasaran kewangan domestik terus berfungsi dengan teratur dan menyokong ekonomi benar. Keupayaan Malaysia menghadapi kejutan luaran juga akan terus diperkukuh dengan tersedianya penampan yang mencukupi serta rangka kerja dasar yang teguh yang telah dibina secara berterusan sejak sekian lama.

Tadbir Urus, Pembangunan Organisasi dan Komunikasi

Sebagai sebuah institusi yang berkhidmat demi kepentingan terbaik negara, Bank sentiasa memberi lebih penekanan pada usaha memperkukuh piawaian tadbir urus dan keupayaan dalamannya. Lembaga Pengarah Bank mengawasi dasar am, pentadbiran, prestasi institusi, pengurusan risiko, pengurusan kewangan, serta pengurusan rizab dan mata wang bagi mencapai mandatnya. Pada tahun 2015, dua orang ahli Lembaga Pengarah telah menamatkan penggal perkhidmatan mereka dan empat orang ahli Lembaga Pengarah baharu telah dilantik. Dua orang ahli luar Bank yang baharu juga telah dilantik untuk menjadi ahli MPC, yang menandakan kali pertama MPC melantik ahli dari luar Bank. Pelantikan baharu ini menambah lagi kepelbagaian serta pengalaman, kepakaran, dan pengetahuan Lembaga Pengarah dan MPC secara kolektif, lantas mengukuhkan lagi pengawasan Lembaga Pengarah terhadap Bank dan MPC.

Pada tahun 2015, inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan tumpuan strategik yang berterusan dan budaya pengurusan risiko yang mantap dalam semua aspek operasi Bank. Pelan Urusan Bank 2015-2017 memberikan fokus dan penjelasan kepada organisasi mengenai matlamat dan strategi utama Bank untuk jangka sederhana. Pada tahun itu, Bank memperincikan lagi pernyataan-pernyataan mengenai kesanggupan mengambil risiko dan toleransi risikonya berdasarkan data yang lebih terperinci. Ini untuk memastikan keputusan dibuat dengan pertimbangan teliti berkenaan risiko yang terlibat serta langkah-langkah sokongan yang bersesuaian. Fungsi pengurusan risiko dilengkapkan oleh fungsi audit dalam berasaskan risiko untuk semua operasi kritikal Bank.

Bank mengamalkan pengurusan kewangan berhemat, dan gigih berusaha meningkatkan kecekapan organisasi. Satu dasar utama Bank ialah menarik dan mengekalkan tenaga mahir berkaliber yang sesuai. Bank mengekalkan pelaburan yang besar dalam membina kemahiran teknikal dan kepimpinan kakitangannya. Bagi membolehkan Bank bergerak seiring dengan perkembangan pesat dalam perubahan teknologi, arkitektur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Bank telah dikaji semula secara bebas pada tahun 2015.

Berikutan meningkatnya ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi dan kewangan, baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa, komunikasi Bank ditingkatkan lagi sepanjang tahun 2015 untuk menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang perkembangan yang mempengaruhi ekonomi dan sistem kewangan Malaysia. Ini dilakukan melalui sidang akhbar, temu bual serta sesi interaksi dan perbincangan yang lebih kerap dengan pihak berkepentingan utama, yang melengkapkan saluran komunikasi lain seperti Pernyataan Dasar Monetari (MPS).

Bank juga terus berperanan mempengaruhi isu-isu perbankan pusat pada peringkat global melalui peningkatan perbincangan dan interaksi serta kerjasama dengan komuniti kewangan dan ekonomi antarabangsa. Peranan kepimpinan Bank sebagai kepimpinan berwawasan dan sokongan telah diiktiraf dengan pelantikan Gabenor sebagai Pengerusi bagi Responsible Finance Institute's Council of Advisors, di samping peranan Bank sebagai satu daripada tiga negara sedang pesat membangun yang dilantik, sebagai pemerhati dalam Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan, serta Pengerusi bagi BIS Central Bank Governance Group. Pengiktirafan global terhadap kepimpinan kanan Bank juga termasuk anugerah kepimpinan daripada Alliance for Financial Inclusion dan anugerah deklarasi Maya untuk kepimpinan global dalam rangkuman kewangan; "Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat untuk pembangunan kewangan Islam global" oleh Tuan Yang Terutama Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Pemerintah Dubai; Pingat Dekan Wharton yang berprestij untuk mengiktiraf pemimpin cemerlang dalam perusahaan swasta, perkhidmatan awam dan akademik; dan ``Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat´´ oleh Central Banking Publications.

Satu pencapaian penting pada tahun 2015 ialah penubuhan Asia School of Business (ASB), satu kerjasama antara Bank dengan Massachusetts Institute of Technology (MIT) Sloan School of Management. ASB menyokong pembangunan tenaga mahir dengan memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap keupayaan kepimpinan dan pengurusan, lebih-lebih lagi dengan transformasi dan potensi pertumbuhan rantau Asia yang pantas.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2015

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kekal kukuh pada tahun 2015. Aset Bank berjumlah RM440.6 bilion, dengan keuntungan bersih sebanyak RM7.8 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. Bank Negara Malaysia mengumumkan dividen sebanyak RM3.0 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2015.